

Notis Penting bertarikh 11 Disember 2025**Notis Pindaan kepada Terma dan Syarat untuk Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung**

Pelanggan Yang Dihormati,

Harap maklum bahawa Terma dan Syarat sedia ada bagi “Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung” (“Terma dan Syarat”) akan dipinda dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Untuk memudahkan rujukan, jadual pindaan Terma dan Syarat dinyatakan dalam lampiran di bawah.

Sila rujuk laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan Terma dan Syarat yang telah dipinda.

Klausa Sedia Ada	Klausa Disemak
4. (iv) Langkah 4: Membiayai Akaun Anda – anda mesti memindahkan deposit permulaan minimum yang diperlukan daripada akaun bank anda atas nama tunggal anda dengan institusi kewangan lain di Malaysia melalui saluran yang dibenarkan iaitu <i>Financial Process Exchange</i> (FPX) atau mana-mana kaedah yang terdapat dalam platform ini. Kegagalan untuk membiayai Akaun Simpanan/-i dan/atau DURIAN-i anda dengan deposit permulaan minimum akan menyebabkan penutupan automatik selepas 90 hari dan 150 hari untuk Akaun Semasa/-i.	4. (iv) Langkah 4: Membiayai Akaun Anda – anda mesti memindahkan deposit permulaan minimum yang diperlukan daripada akaun bank anda atas nama tunggal anda dengan institusi kewangan lain di Malaysia melalui saluran yang dibenarkan iaitu <i>Financial Process Exchange</i> (FPX) atau mana-mana kaedah yang terdapat dalam platform ini. Kegagalan untuk membiayai Akaun Simpanan/-i dan/atau DURIAN-i anda dengan deposit permulaan minimum akan menyebabkan penutupan automatik selepas 90 hari kalendar dan 150 hari kalendar untuk Akaun Semasa/-i.
5. (i) Selepas pembukaan Akaun CIMB/-i yang berjaya melalui platform ini, Kad Debit CIMB anda akan dihantar melalui pos, dalam tujuh (7) hingga empat belas (14) hari bekerja, ke alamat surat-menyurat anda seperti yang anda dedarkan semasa permohonan pembukaan Akaun CIMB/-i. Anda adalah bertanggungjawab untuk memberikan kepada CIMB alamat surat-menyurat anda yang tepat di Malaysia, untuk memastikan Kad Debit CIMB yang baru dikeluarkan boleh dihantar dengan selamat kepada anda. Anda perlu mengaktifkan Kad Debit CIMB anda dengan mencipta PIN 6 angka peribadi anda sendiri mengikut arahan pengaktifan kad debit dalam mel kad, sebelum anda boleh mengakses dan mengendalikan Akaun CIMB/-i baharu.	5. (i) Selepas pembukaan Akaun CIMB/-i yang berjaya melalui platform ini, Kad Debit CIMB anda akan dihantar melalui pos, dalam tiga (3) hingga tujuh (7) hari bekerja , ke alamat surat-menyurat anda seperti yang anda dedarkan semasa permohonan pembukaan Akaun CIMB/-i. Anda adalah bertanggungjawab untuk memberikan kepada CIMB alamat surat-menyurat anda yang tepat di Malaysia, untuk memastikan Kad Debit CIMB yang baru dikeluarkan boleh dihantar dengan selamat kepada anda. Anda perlu mengaktifkan Kad Debit CIMB anda dengan mencipta PIN 6 angka peribadi anda sendiri mengikut arahan pengaktifan kad debit dalam mel kad, sebelum anda boleh mengakses dan mengendalikan Akaun CIMB/-i baharu.

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad